مجليس اݢام إسلام دان عادة إستعادة ملايو ڤرليس
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
MAIPs

No. A2
Taman Pengkalan Asam,
Jalan Tuanku Syed Putra,
01000 Kangar, Perlis.
Tel: 604 - 979 4439
Faks : 604 - 978 2400

LAMAN WEB :
http://maips.gov.my

E-MEL :
korporat@maips.gov.my

MAIPs. 500-4 Jld 3 (30)

21 Januari 2022
*18 Jamadilakhir 1443H*

**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis**

**Semua Ketua Jabatan Negeri Perlis/ Badan Berkanun Negeri Perlis**

**Semua Agensi Agama Islam Negeri Perlis**

YB Dato'/YB /Tuan/ Puan,

**IKLAN MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN**
**DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dikemukakan Iklan Jawatan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis untuk tindakan YB Dato'/YB /Tuan/ Puan untuk menghebahkan kepada calon-calon yang berkelayakan di Jabatan/ Unit YB Dato'/YB /Tuan/ Puan.

Segala perhatian dan kerjasama YB Dato'/YB/Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA"**
**"MENJUNJUNG SYIAR MEMAJU UMMAH"**
**"1 KURUN MAIPs (1920): MENGUKUH QIADAH MENGISLAH UMMAH"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI MOHD NAZIM BIN HAJI MOHD NOOR)**
Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis

THE MALAYSIA BOOK of RECORDS ®

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

## IKLAN JAWATAN KOSONG
## *CONTRACT FOR SERVICE (CFS)*

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak Negeri Perlis yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti yang berikut:

| Bil | Nama Jawatan/ Gred | Kumpulan Perkhidmatan | Jumlah Kekosongan | Tempoh Kontrak | Kadar Bayaran Perkhidmatan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N19** | **Pelaksana** | **2** | **3 Bulan** | **RM1,352.00** |

## JAWATAN: PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19

| | |
|---|---|
| Kumpulan Perkhidmatan | : **Pelaksana** |
| Taraf Jawatan | : ***Contract For Service*** **(2 kekosongan)** |
| Tempoh Kontrak | : **3 Bulan** |

## 2. SYARAT LANTIKAN:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

a) Warganegara Malaysia; dan

b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(ii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

## 3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 4. DESKRIPSI TUGAS:

1. Menyediakan penyata penyesuaian bank untuk kumpulan wang di MAIPs.
2. Menyelenggara daftar cek tak laku berserta surat makluman kepada pembayar di MAIPs.
3. Menyelenggara daftar resit batal.
4. Membantu memfailkan resit-resit terimaan mengikut susunan nombor resit.
5. Membantu memfailkan slip-slip terimaan mengikut susunan tarikh buku tunai.
6. Menyediakan laporan terimaan buku tunai.
7. Menjalankan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**CARA MEMOHON:**

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Pengisian Jawatan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang boleh didapati melalui laman web rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis dengan melayari www.maips.gov.my dan kaunter pentadbiran ini.

2. Hanya calon yang berkelayakan selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.

3. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan dan temuduga jawatan ini adalah tanggungjawab calon.

4. Semua permohonan jawatan perlu disertakan *resume* dengan sekeping gambar terkini berukuran passport, bersama salinan sijil/dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut:

    i) Kad Pengenalan
    ii) Sijil kelahiran
    iii) Sijil berhenti sekolah
    iv) sijil-sijil Akademik
    v) sijil kegiatan luar (jika ada)
    vi) Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas berkaitan dengan jawatan dipohon.

5. Permohonan yang lewat atau tidak lengkap tidak akan dilayan dan akan dianggap tidak berjaya.

6. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklah adalah dianggap tidak berjaya.

7. Sila tulis 'nama jawatan' disebelah atas kiri sampul surat bagi permohonan jawatan yang dikemukakan.

8. Permohonan yang telah lengkap diisi beserta salinan dokumen yang telah disahkan hendaklah dialamatkan atau dihantarkan kepada:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS**
**NO. A2, TAMAN PENGKALAN ASAM**
**JALAN TUANKU SYED PUTRA**
**01000 KANGAR**
**PERLIS**

**TARIKH TUTUP IKLAN: 28 JANUARI 2022 (JUMAAT)**

**TARIKH: 21 Januari 2022**